

Kenyataan tidak bertanding jawatan Timbalan, Presiden 'UMNO PM yakini Razaleigh

Oleh **UM 18 FEB 2000**
ZULKEFLI HAMZAH dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, akan berpegang kepada kenyataannya tidak akan bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini.

“Saya percaya dia akan pegang kepada kenyataan itu,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Tengku Razaleigh turut hadir pada mesyuarat itu.

Presiden UMNO itu menjelaskan, MT menyambut baik kenyataan tersebut kerana Tengku Razaleigh juga ahli MT yang turut bersama-sama sebulat suara memutuskan kedua-dua jawatan berkenaan tidak ditandingi.

- Ku Li ulangi kenyataan di muka 2
- Lagi komen di muka 3 dan 4

Tengku Razaleigh dalam kenyataannya kepada *Utusan* semalam membuat pengakuan bahawa beliau tidak mempunyai rancangan untuk merebut jawatan berkenaan.

Beliau turut menafikan terlibat dengan pihak-pihak tertentu yang mendakwa mendapat kelulusan daripadanya untuk menjadi ejen kempen.

Kenyataan bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu sekali gus mengakhiri spekulasi yang bertiup kencang sebelum ini kononnya beliau berhasrat merebut salah satu jawatan tertinggi UMNO.

Menjawab soalan mengenai masih ada ahli akar umbi yang mahukan jawatan Timbalan Presiden ditandingi kerana ia kosong, Dr. Mahathir berkata, beliau menyedari ada ahli yang berpendapat sedemikian.

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 18 FEB 2000 PM yakini Razaleigh

Bagaimanapun beliau mengingatkan bahawa dirinya juga pernah berada dalam kedudukan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekarang iaitu semasa Presiden parti, Tun Hussein Onn, melantiknya menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1976.

“(Semasa itu) Saya menjadi Naib Presiden tetapi diberi layanan sebagai Timbalan Presiden walaupun tidak memegang jawatan itu.

“Semasa tiba waktu pemilihan, saya menjadi calon tunggal dan tidak ada pertandingan dan saya terus jadi Timbalan Presiden,” jelasnya.

Oleh itu kata beliau, apa yang berlaku sekarang bukanlah sesuatu yang luar biasa walaupun semasa itu tidak ada peraturan mengenai pertandingan jawatan berkenaan.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut menolak pendapat sesetengah ahli UMNO bahawa beliau hanya mahukan jawatan Presiden tidak ditandingi manakala bersikap terbuka dalam jawatan Timbalan Presiden.

Tegasnya, pendapat seumpama itu yang disuarakan dalam suasana kempen pemilihan sekarang, tidak menyenangkannya.

Beliau menambah, perkara itu tidak benar sama sekali kerana ia adalah keputusan MT dan sebagai ahli MT beliau terikat dengan keputusan tersebut.

“Amatlah dukacita kalau dikatakan saya bersetuju jawatan Presiden tidak ditandingi tetapi Timbalan Presiden saya bersikap terbuka, bermakna saya nak lindungi diri saya sahaja dan ini bukanlah hasrat saya,” kata Dr. Mahathir.